



**MAJLIS TADARUS SEMPENA BULAN RAMADHAN
TAHUN 1439 HIJRAH / 2018 MASEHI
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

SIARAN AKHBAR

Hari Rabu, 23 Mei 2018 bersamaan 7 Ramadhan 1439H
Kampung Madang/Manggis

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Tadarus Sempena Bulan Ramadhan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masehi, bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/Madang.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Tadarus tersebut ialah Yang Berhormat, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apeng, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta ahli jawatankuasa takmir masjid berkenaan.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan wakaf oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Tuan Imam Nuzli bin Haji Jumat, imam Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/Madang berupa sebuah binding dan laminating machine bagi kegunaan masjid berkenaan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan Tadarus Al-Quran. Majlis seterusnya berbuka puasa disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan. Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta Jabatan-Jabatan dibawahnya akan meneruskan majlis tadarus ini pada hari Isnin, 28 Mei 2018 bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Aktiviti bertadarus ini adalah merupakan aktiviti KSSUP dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Ramadhan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadhan yang Mubarak disamping mendapatkan keberkatan serta ganjaran pahala daripada Allah Subhanu wa ta'ala.

/TAMAT